



## KENYATAAN KESELAMATAN & KESIHATAN

### PENANGGUHAN PROGRAM/AKTIVITI BERIKUTAN PENULARAN JANGKITAN COVID-19

Merujuk kepada Perutusan YAB Perdana Menteri Malaysia dan Kenyataan Kementerian Kesihatan Malaysia (**KKM**) yang menggesa agar semua perhimpunan yang melibatkan orang ramai (*mass gathering*) bagi **bulan Mac dan April** ditangguhkan bagi mencegah kemungkinan penularan **COVID-19** berlaku. Sehubungan dengan itu Jabatan memutuskan agar:-

- a) Semua aktiviti **perhimpunan, kursus, taklimat dan mesyuarat ditangguhkan**. Hanya taklimat dan mesyuarat yang benar-benar **MUSTAHAK** boleh diteruskan dengan syarat ianya diadakan dalam premis sendiri dan dihadiri oleh peserta dalaman sahaja serta melaksanakan langkah keselamatan dan kesihatan yang ketat.
- b) Tugas Lapangan bagi **Naziran PTJ dan Pemeriksaan WTD ke Entiti ditangguhkan** bagi mengelakkan risiko jangkitan terhadap petugas-petugas.
- c) **Perkhidmatan Kaunter Perkhidmatan WTD dihentikan sementara** dan orang ramai diminta untuk menggunakan perkhidmatan semakan secara **online** dan mengemukakan tuntutan bayaran balik WTD mereka **secara pos**.

Warga JANM diingatkan agar mematuhi sepenuhnya *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi pengawalan penularan jangkitan **COVID-19** yang dikeluarkan oleh KKM.

Warga JANM juga adalah diminta untuk **menangguhkan perjalanan ke luar negara** terutamanya ke wilayah atau bandar yang mengalami jangkitan **COVID-19** sebagaimana pemakluman KKM. Bagi mana-mana warga yang **baru pulang dari wilayah/bandar berkaitan adalah diminta menjalani pemeriksaan kesihatan terlebih dahulu dan disahkan selamat sebelum masuk bertugas**.

Warga JANM juga diseru agar mengamalkan penjagaan kesihatan yang baik. Sekiranya mengalami sebarang gejala jangkitan diminta menjalani pemeriksaan kesihatan dengan segera. Selanjutnya Warga JANM adalah diminta untuk mengikuti perkembangan terkini jangkitan **COVID-19** melalui laman web rasmi KKM.

Semua pihak dalam JANM adalah diminta memandang serius berhubung risiko penularan **COVID-19** ini dan sentiasa peka dan mematuhi terhadap langkah-langkah pencegahan yang diumumkan Kerajaan.

**JAWATAN KUASA KESELAMATAN DAN PEKERJAAN  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

16 Mac 2020